

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 26 OGOS 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 25

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1432-L09925

Datuk Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) status yuran pengajian semester Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi penuntut IPTA dan IPTS yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai inisiatif berkaitan Sistem Pembelajaran Online pelajar IPT yang tinggal di luar bandar dan memerlukan capaian internet.

2. PR-1432-L09604

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah persiapan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dalam mengembalikan tahap penilaian *Federal Aviation Authority* (FAA) Amerika Syarikat terhadap CAAM dari Kategori 2 ke Kategori 1 pada masa terdekat.

3. PR-1432-L09687

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini Tabung Harapan dan ke manakah wang tersebut disalurkan.

4. PR-1432-L09468
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai statistik penderaan terhadap isteri dan bagaimana Kementerian menanganinya sambil mencadangkan buat pihak Kerajaan merujuk Pelan Tindakan Sosial Islam yang pernah dilancarkan oleh Menteri di JPM (Agama) dalam Kerajaan Pakatan Harapan.
5. PR-1432-L09644
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan status penyelidikan dan pelaksanaan penanaman padi tiga kali setahun serta kesan kepada simpanan beras negara serta keselamatan makanan (*food security*).
6. PR-1432-L09984
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tahap pencapaian pelaksanaan dan penguatkuasaan untuk '*Substance Requirement*' terhadap syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Labuan FSA. Berapa buah syarikat yang terlibat dan berapa yang sudah memenuhi syarat yang diwajibkan.
7. PR-1432-L09710
Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah-langkah alternatif pasca pandemik COVID-19 yang diambil oleh Kementerian dalam usaha pemulihan industri pelancongan di Sabah.
8. PR-1432-L09505
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah aplikasi-aplikasi digital yang telah pun dilancarkan oleh Kerajaan semasa wabak COVID-19 untuk menjejak (*track*) virus tersebut dan keberkesanannya. Nyatakan sama ada aplikasi ini selaras dengan undang-undang yang menjamin perlindungan data peribadi.
9. PR-1432-L08799
Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan sama ada terdapat cadangan mewujudkan Lembah Organik di Sipitang khususnya di kawasan Ulu Bul dan Long Pasia memandangkan potensi kawasan tersebut begitu menyerlah dan boleh menjadi kawasan pengeluaran tanaman kekal.

10. PR-1432-L09430
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang keberkesanan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) dan Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA).
11. PR-1432-L09451
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah terkini pihak Kementerian dalam membasmi penyebaran maklumat tidak sahih dan palsu yang semakin meningkat sehingga boleh mengancam keselamatan negara dan perpaduan rakyat.
12. PR-1432-L09115
Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [Kuala Langat] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan potensi pengeluaran REE (Unsur Nadir Bumi) yang begitu bernilai ekonomi. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk membangunkan potensi baru ini.
13. PR-1432-L09569
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik terkini selain daripada Sekolah Kebangsaan yang telah bersetuju untuk pembelajaran tulisan jawi setelah mendapatkan persetujuan daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).
14. PR-1432-L08897
Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status pelaksanaan terkini Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur yang telah dilancarkan pada Januari 2020 (Pelan) dan siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk memantau pelaksanaan Pelan ini.
15. PR-1432-L09269
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah hutang negara dari Mei 2018 sehingga Februari 2020. Kita diberitahu bahawa dalam jangka pendek defisit negara akan meningkat. Apakah perancangan khusus jangka panjang untuk mengurangkan defisit hutang negara di masa hadapan.
16. PR-1432-L08931
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil yang diperoleh daripada Program GENIUS Negara dan bagaimanakah hala tuju kanak-kanak ini setelah 10 tahun program ini dilaksanakan.

17. PR-1432-L09658
Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan bagi tujuan menarik minat belia dalam sektor pertanian dan industri pembuatan makanan khususnya dalam berhadapan situasi pemulihan pasca COVID-19.
18. PR-1432-L09475
Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pendirian Kementerian berhubung perkahwinan kanak-kanak dan apakah strategi dan tindakan Kementerian bagi menangani isu-isu sosial yang merupakan penyebab kepada berlakunya perkahwinan kanak-kanak.
19. PR-1432-L09672
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menurunkan defisit fiskal belanjawan negara yang dijangka meningkat susulan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).
20. PR-1432-L09195
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-
- (a) kadar peratusan penembusan rangkaian fiber optik di Johor Bahru dan Johor; dan
 - (b) apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan akses rangkaian fiber optik dan internet berkelajuan tinggi di seluruh negara.
21. PR-1432-L09262
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kolaborasi pintar dan penyelarasan tanggungjawab dan tugas di antara Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Kementerian Pendidikan dan Inovasi Sabah, apakah langkah-langkah Kementerian memastikan pembelajaran dalam talian di Sabah dapat dilaksanakan sepenuhnya terutama sekali selepas begitu banyak keluhan dalam perkara ini sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan kerana pandemik COVID-19.

22. PR-1432-L08882

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan untuk menyatakan langkah Kementerian untuk menjaga kebajikan dan bekalan hidup golongan pekerja dalam industri pertanian dan langkah Kementerian untuk memastikan kemampanan industri ini dalam jangka masa panjang.

23. PR-1432-L09391

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan tentang pelaksanaan teknologi 5G yang rintisnya dilaksanakan di Langkawi, seperti berikut :-

- (a) kaedah meluaskan liputan 5G lebih menyeluruh ke kawasan luar bandar; dan
- (b) peluang-peluang pekerjaan yang bakal wujud melalui ledakan teknologi 5G.

24. PR-1432-L09602

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik dan prestasi pengendalian kontena oleh pelabuhan-pelabuhan utama di Malaysia untuk separuh tahun yang pertama 2020 (1H 2020) khususnya untuk Pelabuhan Klang, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Pulau Pinang berbanding dengan tahun-tahun yang lepas. Apakah langkah khusus yang diambil Kerajaan untuk merencanakan lagi industri logistik dan pelabuhan kita.

25. PR-1432-L09751

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan kesan ekonomi COVID-19 yang negatif, berikan perincian mengenai anggaran kekurangan pendapatan Kerajaan untuk tahun kewangan 2020.

26. PR-1432-L09094

Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh mana usaha Kementerian dalam memastikan kawasan-kawasan pedalaman khususnya di Sabah dilengkapi dengan liputan talian internet yang lebih baik, apakah status terkini 50 kawasan fasa pertama yang dikenal pasti di negeri Sabah dalam program *National Fiberisation and Connectivity Plan (NFCP)* yang telah dirancang oleh Kerajaan terdahulu.

27. PR-1432-L09881
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapakah tindakan senarai hitam dikenakan ke atas pelajar yang dapat kelulusan penangguhan pembayaran pinjaman PTPTN kerana sedang melanjutkan pendidikannya.
28. PR-1432-L09354
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan Program Subsidi Upah 2020 dan apakah kelulusan dan pembayaran setiap bulan sehingga Jun 2020 untuk program tersebut serta adakah syarat-syarat kelayakan terlampau ketat menyebabkan banyak syarikat yang memerlukan bantuan gagal menerimanya.
29. PR-1432-L09477
Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini bantuan USD150 juta untuk 3 tahun daripada *Qatar Fund For Development (QFFD)* untuk pelarian Rohingya di Malaysia, dan berapakah yang telah QFFD salurkan setakat 24 Februari 2020 dan senaraikan penerima-penerima sumbangan ini.
30. PR-1432-L09498
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status pelan NFCP dan huraikan secara spesifik pencapaiannya setakat sekarang.
31. PR-1432-L09515
Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang terkini Pembinaan PFI Sdn. Bhd. (Nombor Syarikat 748841-V) dan adakah Kerajaan merancang untuk terus membiayai Perbelanjaan Pembangunan dengan menggunakan syarikat serupa untuk Belanjawan 2020 dan 2021.
32. PR-1432-L09923
Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan baki tunggakan bayaran balik GST setakat akhir Jun 2020 dan jumlah syarikat yang terlibat. Adakah Kerajaan mempertimbangkan pelaksanaan semula sistem GST.

33. PR-1432-L09176

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan agar membuat kajian menyeluruh kepada keperluan membina sekolah menengah baharu yang lengkap dengan asrama dan rumah guru untuk menggantikan bangunan usang dan daif SMK Kalabakan yang mempunyai tidak kurang dari 700 murid tempatan luar bandar di mana anak-anak kecil seawal darjah satu di kawasan perladangan Benta Wawasan SIB, terpaksa melalui perjalanan jauh ke sekolah sekolah terdekat di SK FELDA Umas dan SK Luasong.

34. PR-1432-L09455

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sektor perbankan dan sama ada kadar peratusan yang menurun ini akan menyukarkan lagi ekonomi dan perniagaan untuk pulih semula. Nyatakan prestasi pengeluaran bantuan dan pinjaman yang diumumkan oleh Kerajaan kepada perniagaan.

35. PR-1432-L08928

Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mekanisme yang akan diambil kepada sekolah bantuan modal yang masih serba kekurangan dalam pelbagai aspek khususnya yang melibatkan infrastruktur dan kelengkapan sekolah.

36. PR-1432-L09325

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan masalah pembuangan hasil pertanian seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan ikan semasa PKP. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian selepas media melaporkan peristiwa-peristiwa tersebut. Berapa jumlah pembelian oleh FAMA dan LKIM untuk membantu menyelesaikan masalah lambakan tersebut.

37. PR-1432-L09575

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada mempunyai rancangan untuk menambah peruntukan Program Subsidi Upah khas untuk sektor-sektor yang tidak dapat pulih akibat daripada PKP yang dilaksanakan, seperti sektor pelancongan, hotel dan syarikat-syarikat pengurusan *event (event management company)*.

38. PR-1432-L09447
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan unjuran pertumbuhan ekonomi, kadar pengangguran dan kes kebangkrapan tahun ini memandangkan anggaran Bank Dunia bahawa pertumbuhan GDP Malaysia akan susut 3.1% serta langkah yang diambil untuk menghindari keadaan sedemikian, khususnya di kalangan peniaga-peniaga kecil dan pekerja yang kehilangan pekerjaan.
39. PR-1432-L09747
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) berapa banyak perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk menangani COVID-19 sehingga 31 Jun 2020 ; dan
 - (b) memberikan perincian perbelanjaan.
40. PR-1432-L09790
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan unjuran dan pengambilan IPG 2020 untuk Sekolah Kebangsaan, SJKC dan SJKT mengikut mata pelajaran.
41. PR-1432-L09839
Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah penerima bakul makanan (*food basket*), nilai setiap bakul dan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk bakul makanan di dalam Parlimen Hang Tuah Jaya sepanjang Tempoh Kawalan Pergerakan; bagaimana edaran dilaksanakan dan apakah Kementerian tidak mengiktiraf peranan ahli Parlimen di dalam menyalurkan bantuan kepada rakyat.
42. PR-1432-L09752
Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan menyemak semula yuran pengajian di IPTA oleh kerana kebanyakan pelajar tidak tinggal di dalam kampus dan menggunakan fasiliti berkaitan.

43. PR-1432-L09816

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peratus pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah yang gagal mengikut pembelajaran dalam talian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan sehingga hari ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil Kementerian bagi membolehkan pelajar-pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah kembali ke sekolah.

44. PR-1432-L09543

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan data terperinci pembelajaran *online* di seluruh negara sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan mencakupi peratusan capaian oleh murid, guru, jumlah pelajar terlibat, jumlah pelajar yang terkesan dengan isu kekurangan '*hardware*' dan masalah mendapatkan talian internet serta apakah perancangan Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.

45. PR-1432-L09288

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah status pengiktirafan sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA); dan
- (b) apakah hasil dan syor-syor dalam laporan oleh Jawatankuasa Khas UEC.

46. PR-1432-L08890

Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan dan mempromosi Empangan Hidro Elektrik Batang Ai Lubok Antu memandangkan ianya produk pelancongan yang perlu dipelihara.

47. PR-1432-L09605

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada RUU Gangguan Seksual mengambil kira kelompongan akta asal yang dikenal pasti *Asian Strategy & Leadership Institute* termasuk perincian jenayah mengambil gambar tanpa keizinan, surat ugutan yang mengandungi gambar atau video peribadi, penghendapan dan penyebaran butiran peribadi tanpa kebenaran.

48. PR-1432-L09237
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa terlalu ramai di kalangan Menteri, Timbalan Menteri serta Ahli Parlimen yang lain menerima Bantuan Prihatin Nasional sedangkan mereka automatik tidak layak dan bagaimana boleh terjadi perkara sedemikian.
49. PR-1432-L09942
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan jelas sama ada Kerajaan akan meneruskan galakan cukai pendapatan bagi majikan yang mengambil pekerja kumpulan sasaran mengikut 'Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Penggajian Warga Emas, Bekas Banduan, Orang Diparol, Orang Diselia dan Bekas Penagih Dadah' yang akan tamat pada tahun ini. Jika tidak mengapa dan apakah galakan yang lain yang akan digunakan oleh Kerajaan.
50. PR-1432-L08885
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan sama ada Kementerian sedang mempertimbangkan syor bahawa Akta Perhutanan harus dipinda untuk mewujudkan jawatankuasa di peringkat tiap negeri untuk memainkan fungsi semak dan imbang.
51. PR-1432-L09554
Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada inisiatif #MalaysiaKerja yang diperkenalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan akan dilaksanakan oleh Kerajaan baru. Sekiranya tidak, apakah inisiatif lain yang bakal diperkenalkan untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih baik untuk belia dan wanita dan mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.
52. PR-1432-L09392
Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan pendirian Kerajaan Persekutuan dengan rancangan Kerajaan negeri, khususnya Kerajaan Negeri Kedah untuk membenarkan semula aktiviti pembalakan, khususnya di pinggiran kawasan hutan simpan dan zon tadahan air.

53. PR-1432-L09955

Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan status projek perintis penanaman hemp yang telah dimulakan pada 2019 dan juga penggubalan dasar Kementerian yang membolehkan industri gentian/fiber hemp dimajukan sebagai '*the new cash crop*' dan juga industri '*Medical Marijuana*' dalam bidang perubatan.

54. PR-1432-L08911

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan status perundingan untuk pembebasan kapal-kapal nelayan Malaysia yang ditahan Indonesia dalam kawasan pertindihan perairan dan untuk memberikan butir-butir termasuk nombor pendaftaran kapal yang telah dipulangkan.

55. PR-1432-L10044

Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pengisytiharan Pulau Pangkor sebagai Pulau Bebas Cukai (PCB) dengan peruntukan keseluruhan RM486 juta menjadi antara projek berimpak tinggi yang telah dilaksanakan di Perak dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Harapan rakyat Perak agar Pulau Pangkor menjadi terkenal seperti Pulau Langkawi walaupun ia lebih kecil dari segi saiznya namun mempunyai tarikannya yang tersendiri. Walau bagaimanapun, kemudahan infrastruktur masih kurang dan tidak mencukupi bagi sebuah pulau yang berstatus bebas cukai. Minta Kementerian menyediakan peruntukan khas supaya infrastruktur di Pangkor dinaik taraf untuk promosi pelancongan yang lebih giat, khususnya cadangan kenderaan elektrik di Pangkor bagi pelan jangka panjang.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Dalam Negeri**

- * Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|------------------|---|-------------------------------|
| 1. | (D.R 3/2020) | Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020

[Menteri Pengangkutan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 2. | (D.R 8/2020) | Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2020

[Perdana Menteri] | " |
| 3. | (D.R 9/2020) | Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020

[Perdana Menteri] | " |
| 4. | (D.R 10/2020) | Rang Undang-undang Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020

[Perdana Menteri] | " |
| 5. | (D.R 37/2019) | Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019

[Menteri Kesihatan] | " |
| 6. | (D.R 42/2019) | Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2019

[Perdana Menteri] | " |
| 7. | (D.R. 25/2019) | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019

[Perdana Menteri] | " |
| 8. | (D.R 11/2020) | Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020.

[Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] | " |

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275]. mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM25,800 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM12,500 juta dari Jun sehingga Disember 2019 dan RM13,300 juta dari Januari sehingga Jun 2020 ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

10. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(1) dan subseksyen 91u(1)(a), Akta Eksais 1976 supaya Perintah Duti Eksais yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas status bilangan ST.55 dan ST.56 bagi tahun 2020 disahkan."

11. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2) dan subseksyen 163R(2), Akta Kastam 1967 supaya Perintah Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas status bilangan ST.48, ST.49, ST.50, ST.51, ST.52, ST.53, ST.54, ST.80, ST.81, ST.82 dan ST.83 bagi tahun 2020 disahkan."

12. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3), Akta Cukai Jualan 2018 supaya Perintah Cukai Jualan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.57 bagi tahun 2020 disahkan

13. PR-1432-UL064

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] akan mencadangkan :-

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujukan."

14. PR-1432-U(27)116
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah. "

[Perdana Menteri]

15. PR-1432-U(27)114
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Menteri Perpaduan Negara]

16. PR-1432-U(27)115
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

17. PR-1432-U(27)119
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."
[Menteri Kewangan]
18. PR-1432-U(27)120
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."
[Menteri Pengangkutan]
19. PR-1432-U(27)121
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula '*Free Flow 2KM*' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "*Free Flow*" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."
[Menteri Dalam Negeri]
20. PR-1432-U(27)122
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."
[Menteri Dalam Negeri]

21. PR-1432-U(27)123
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

[Perdana Menteri]

22. PR-1432-U(27)124
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

[Menteri Pengangkutan]

23. PR-1432-U(27)126
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]

24. PR-1432-U(27)127
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

[Menteri Pertanian Dan Industri Makanan]

25. PR-1432-U(27)128

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

26. PR-1432-U(27)125

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

[Perdana Menteri]

27. PR-1432-U(27)117

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta pasport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

[Menteri Dalam Negeri]

28. PR-1432-U(27)118

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing, Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

[Menteri Sumber Manusia]

29. PR-1432-U(27)129

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

30. PR-1432-U(27)132
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."

[Perdana Menteri]

31. PR-1432-U(27)131
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

[Perdana Menteri]

32. PR-1432-U(27)130

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepemimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

[Perdana Menteri]

33. PR-1432-U(27)133

Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membawa isu mengkaji semula dan mempertimbangkan cadangan untuk memanjangkan tempoh moratorium pinjaman kepada semua pihak tanpa mengira *status quo* bagi suatu tempoh yang difikirkan sesuai. Hal ini kerana krisis pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan bermula 18 Mac 2020 telah menjejaskan pendapatan sebilangan besar rakyat Malaysia. Kebelakangan ini, kes jangkitan COVID-19 baharu juga telah menunjukkan peningkatan dan keadaan ini berpotensi untuk Kerajaan mengetatkan semula PKP yang akan memperlahankan aktiviti ekonomi."

[Menteri Kewangan]

34. PR-1432-U(27)134

Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membawa isu bagi mempertimbangkan dan mengembalikan semula cuti sekolah pada hujung tahun sebagai langkah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara dan memperkasakan ekonomi rakyat. Dengan mengembalikan cuti sekolah pada hujung tahun, kita boleh jangkakan bahawa rakyat akan mengambil kesempatan untuk pulang ke kampung halaman dan berkunjung ke tempat-tempat pelancongan dalam negara. Hal ini akan merancakkan sektor pelancongan dan ekonomi luar bandar yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Cuti sekolah pada hujung tahun sememangnya telah terbukti suatu tempoh yang ditunggu-tunggu oleh para pemain industri dari pelbagai sektor, khususnya sektor pelancongan."

[Menteri Pendidikan]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

TAHUN 2020**RISALAT/DOKUMEN****TARIKH
DIBENTANGKAN**

ST. 94	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Bagi Tahun 2018	26 Ogos 2020
--------	--	--------------

****UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 26.08.2020 (Rabu)	1. YB Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman (Kuala Krai)	1. Jambatan Sultan Ismail di Kuala Krai	1. YB Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya
2. 26.08.2020 (Rabu)	2. YB Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah (Kubang Pasu)	2. Status Perancangan Special Border Economic Zone (SBEZ) Bukit Kayu Hitam Dan Peratusan Kemajuan Setakat Ini	2. YB Menteri Kewangan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**